

26 AUG 2003

Mahathir-Cuti

DR MAHATHIR UMUM CUTI SEHARI UNTUK WARGA UiTM ESOK

SHAH ALAM, 26 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan cuti selama sehari kepada warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) esok.

Perdana Menteri mengumumkan cuti sehari itu berikutan kali terakhir beliau berucap di universiti berkenaan sebelum bersara Oktober ini.

"Jangan salah sangka, tahun ini tak hujan tetapi ini kali terakhir saya berucap di sini sebagai Perdana Menteri.

"Justeru itu, dengan izin saya bercadang diberikan cuti (kepada warga UiTM esok), katanya semasa berucap merasmikan Festival Kemerdekaan (FESKEM) UiTM 2003 dan upacara pecah tanah secara maya kampus 2 UiTM, Shah Alam di sini malam ini.

Pengumuman beliau disambut dengan sorakan riuh rendah kira-kira 10,000 warga UiTM yang berkumpul di Stadium Utama UiTM.

Beliau berkata tujuan cuti itu diberikan adalah untuk membolehkan para penuntut universiti berkenaan belajar di bilik masing-masing.

Pada tahun lepas, Perdana Menteri semasa merasmikan festival yang sama turut memberikan cuti sehari kepada warga UiTM berikutan hujan yang turun semasa perasmiaan majlis itu.

-- BERNAMA

SHS HS BK